

07/11/2000

Pembunuhan bukan aliran baru

KUALA LUMPUR, Isnin - Kes pembunuhan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kedah kawasan Lunas, Dr Joe Fernandez yang ditembak mati Sabtu lalu, tidak harus dianggap sebagai satu "aliran" baru terhadap ahli politik di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tak... saya tak fikir ini satu trend," katanya ketika ditanya sama ada kes tembak dan bunuh Adun itu membawa kepada satu aliran baru di negara ini seperti dikhuatiri sesetengah pihak.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau hairan kenapa orang yang baik seperti Fernandez dibunuh dengan begitu kejam sekali.

"Apa dia... siapa yang menjadi musuh dia, sanggup upah. Nampak seolah-olah diupah orang suruh bunuh," katanya selepas merasmikan persidangan Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40, di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau sudah mengadakan perbincangan dengan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bagi menentukan calon untuk pilihan raya kecil kerusi Lunas, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata setakat ini perbincangan itu belum diadakan.

"Belum lagi. Saya jumpa dengan Menteri Besar Kedah semalam, tapi tak ada perbincangan mengenainya," katanya.

Lunas terletak dalam kawasan parlimen Padang Serai dengan dua lagi DUN adalah Kuala Ketil dan Merbau Pulas yang turut dikuasai BN.

Pilihan raya kecil berkenaan dijangka menyaksikan pertarungan sengit kerana BN perlu mempertahankan DUN Lunas bagi mengekalkan majoriti dua pertiga dalam dewan.

(END)